



**ENCIK SUHAIMI:** Punyai alasan tersendiri mahu terus menikmati kehidupan sepenuhnya dan menyertai pasukan semata-mata atas dasar minat mendalam pada bola sepak dan keikhlasan. – Foto-foto M.O. SALLEH

---

“Bagi saya, tidak ada apa-apa yang hendak dimalukan dengan kekurangan ini, kehidupan perlu diteruskan. Saya meminati bola sepak dan akan berusaha sedaya upaya untuk bermain dan menikmati keseronokannya.”

– Encik Suhaimi Sudar.

---

# Asal ada minat dan keikhlasan

MINAT mendalam pada bola sepak dan keikhlasan.

Inilah yang mendorong Encik Suhaimi Sudar, 25 tahun, mahasiswa tahun akhir Universiti Pengurusan Singapura (SMU), menyertai pasukan serebral palsy negara.

“Bola sepak adalah kegemaran saya dan inilah peluang saya menceburinya hingga ke peringkat tertinggi, bukan sahaja setakat berinteraksi dengan rakan senasib.

“Dalam hidup kita perlu berfikir positif dan tidak menyalahkan nasib,” kata Encik Suhaimi, anak kedua dalam keluarga tiga beradik.

“Saya mengalu-alukan penyertaan rakan-rakan senasib saya dalam sukan ini. Yang penting, asal ada minat dan keikhlasan, banyak yang boleh anda capai dengan menyertai pasukan kami,” katanya yang tangan dan kaki kanannya berasa lemah dan tidak dapat berfungsi dengan baik.

Namun, beliau tidak sedikit pun berasa berduka dengan kekurangan itu, sebaliknya mahu menikmati kehidupan itu sepenuhnya.

“Saya memang meminati bola sepak secara mendalam dan bermain bola sejak kecil serta bergaul dengan semua rakan baik di rumah mahupun di sekolah.

“Bagi saya, tidak ada apa-apa yang hendak dimalukan dengan kekurangan ini, kehidupan perlu diteruskan. Saya meminati bola sepak dan akan berusaha sedaya upaya untuk bermain dan menikmati keseronokannya.

“Inikan pula ada peluang bermain untuk negara. Ya benar kami tidak mendapat apa-apa bayaran, tetapi kami dapat mewakili negara, berpeluang ke luar negara dan berinteraksi bersama rakan-rakan lain,” kata Encik Suhaimi, yang mula sedar adanya pasukan itu sekitar Oktober/November 2012.

Memandangkan ketika itu beliau sedang belajar di luar negara di Norway dalam satu program pertukaran pelajar, beliau hanya menyertai latihan pertama pasukan itu pada 29 Jun 2013.

“Saya tidak menoleh ke belakang lagi selepas itu dan akan terus bermain dan mewakili negara selagi khidmat saya diperlukan.

“Jika tidak dapat mewakili negara pun, saya dapat bermain bola sepak bersama mereka, jadilah,” tambah beliau.